



TABUNG HAJI

مي على الفلاح

KOD ETIKA PEMBEKAL *TH*



KATA-KATA ALUAN PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, penerbitan Kod Etika Pembekal Lembaga Tabung Haji (**TH**) ini telah berjaya disempurnakan.

Pewujudan Kod Etika Pembekal **TH** ini merupakan langkah positif dalam pengukuhan nilai murni ke arah meningkatkan imej dan profesionalisma pembekal-pembekal **TH** sejajar dengan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan tahap integriti yang kini menjadi agenda nasional.

Kod Etika Pembekal **TH** ini akan menjadi rujukan utama pembekal serta pihak-pihak berkepentingan di dalam urusan pelaksanaan projek **TH**. Ianya menggariskan amalan serta etika yang wajar diamalkan oleh semua pembekal bagi meningkatkan tahap profesionalisma, integriti dan akauntabiliti yang tinggi di kalangan mereka.

Dengan Kod Etika ini, diharap semua pembekal **TH** akan memberikan komitmen padu terhadap pengukuhan integriti serta penerapan budaya beretika di dalam menghasilkan



produktiviti kerja yang terbaik sepanjang pelaksanaan sesuatu projek bersama **TH**.

Semoga Kod Etika Pembekal **TH** ini mampu memantapkan imej dan profesionalisma para pembekal yang terlibat, sekaligus meningkatkan persaingan yang sihat di antara mereka, InsyaAllah.

Salam Hormat,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismee Ismail', is positioned above the name of the signatory.

TAN SRI ISMEE ISMAIL

Pengarah Urusan Kumpulan Dan
Ketua Pegawai Eksekutif



KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI INTEGRITI



Pembangunan Kod Etika Pembekal ini bermula hasil daripada kesedaran kepentingan isu integriti dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat Tabung Haji. Oleh yang demikian, Tabung Haji telah memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti di kalangan pembekal.

Kod Etika Pembekal yang dibangunkan ini bakal menjadi rujukan kepada para pembekal, pekerja-pekerja mereka, subkontraktor dan sub-pembekal Tabung Haji serta pihak-pihak yang berkepentingan di dalam proses pembidaan tender. Ianya menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangkakan oleh semua



pembekal bagi meningkatkan tahap profesionalisma, integriti dan akauntabiliti yang tinggi di kalangan mereka.

Penghayatan kepada Kod Etika ini diharap dapat membudayakan kaedah pengawalseliaan sendiri di kalangan pembekal bagi mencapai tahap keyakinan yang tinggi oleh semua pihak dalam penyediaan barangan dan perkhidmatan kepada Tabung Haji.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih terhadap kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan Kod Etika Pembekal ini. Adalah diharapkan agar usaha ini dapat membantu untuk meningkatkan imej serta tahap profesionalisma pembekal ke tahap yang lebih membanggakan.

DATO' LATIFAH MD. YATIM
Ketua Pegawai Integriti Tabung Haji



ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
Pengenalan	4
Prinsip-Prinsip Kod	5
Jujur Melaksanakan Tanggung Jawab	5
Mematuhi Undang-Undang	6
Menjauhi Rasuah	7
Mengelak Percanggahan Kepentingan	8
Hadiah	9
Bertanggungjawab ke Atas Maklumat Sulit dan Aset TH	10
Maklumat Sulit	10
Aset TH	10
Kepentingan Kualiti Piawaian dan Kemahiran	11
Menghindari Amalan Anti-Kompetitif	12
Penghormatan kepada Individu dan Masyarakat	12
Pematuhan Kod	14
Pelanggaran Kod	15



PENGENALAN

Kod Etika Pembekal ini menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangkakan daripada setiap pembekal, pekerja-pekerja mereka, subkontraktor dan sub-pembekal Tabung Haji untuk memenuhi dalam penyediaan barangan dan perkhidmatan kepada Tabung Haji.

Untuk menyokong pematuhan Kod ini, pembekal hendaklah memastikan bahawa Kod dikongsi bersama dengan semua individu yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja bagi atau bagi pihak **TH**, dan semua tugas-tugas yang berkaitan dengan **TH** dilaksanakan oleh individu dengan kemahiran, kepakaran dan pensijilan diperlukan untuk menegakkan prinsip dan memenuhi standard dalam Kod.

Prinsip-prinsip Kod selaras dengan visi dan misi **TH** dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat **TH** dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampuan dalam perolehan **TH** bagi mengurang dan membasmi gejala rasuah.



PRINSIP PRINSIP KOD

TH menjangka pembekal untuk menjalankan perniagaan mengikut standard etika yang tinggi, termasuk pematuhan kepada PRINSIP-PRINSIP yang berikut:

1. JUJUR MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB

Semua pembekal dan wakil mereka hendaklah menjalankan transaksi perniagaan dan aktiviti-aktiviti dengan jujur, amanah, bertanggungjawab dan berintegriti.

Disamping itu, semua pembekal dan wakil mereka hendaklah:

- Merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan
- Melindungi dan bertanggungjawab menjaga aset fizikal dan intelektual **TH**, termasuk hartanah, bekalan dan peralatan, apabila diberi kuasa oleh **TH** untuk menggunakan aset tersebut
- Memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan **TH** dibuat dengan penuh, adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.



2. MEMATUHI UNDANG-UNDANG

Semua pembekal **TH** dan wakil pembekal hendaklah menerimapakai dan mematuhi semua peraturan **TH** serta pindaannya dari semasa ke semasa ketika menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

Selain itu, semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:

- mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui didalam perjanjian kontrak
- mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan/atau jenayah negara
- mematuhi undang-undang berkenaan rasuah dan sogokan termasuk Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575)
- mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar, yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, pelepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan.

3. MENJAUHI RASUAH

Tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, meminta, menawar, menerima, memberi atau berjanji untuk memberi sesuatu ganjaran berbentuk wang, barangan atau perkhidmatan, kepada mana-mana anggota **TH** sebagai balasan untuk keputusan, pendapat, undian atau tindakan lain yang mempengaruhi sebarang keputusan perolehan.



Selain itu, semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah :

- tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah
- segera melaporkan kepada pihak pengurusan **TH** jika terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh anggota Tabung Haji atau pembekal lain.



4. MENGELAK PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Semua pembekal **TH** dan wakil pembekal hendaklah menghindari diri dari melakukan perkara yang boleh menyebabkan berlakunya percanggahan kepentingan dalam urusan perolehan.

Contohnya, pembekal mempunyai hubungan keluarga ataupun perkongsian perniagaan dengan pemegang saham, ahli jawatankuasa tender, atau lain-lain anggota **TH**.

Pembekal yang mempunyai percanggahan atau berpotensi mempunyai percanggahan kepentingan dengan mana-mana anggota **TH**, hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak pengurusan **TH** samaada sebelum atau selepas pelantikan dan pemilihan.

Pihak pengurusan **TH** berhak dalam membuat keputusan menentukan sama ada pembekal tersebut perlu menarik diri atau sebaliknya.

Ketika terlibat dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan **TH**, pembekal tidak boleh menerima apa-apa pekerjaan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang boleh mewujudkan unsur-unsur percanggahan atau menyebabkan berlakunya percanggahan kepentingan.

4.1 HADIAH

Pembekal atau wakil mereka tidak boleh menawarkan atau memberi apa-apa hadiah, secara langsung atau tidak langsung, kepada anggota **TH** yang terlibat dalam proses bidaan atau tender atau mana-mana anggota atau kepada mana-mana keluarga anggota **TH** yang boleh mempengaruhi pertimbangan anggota dalam menjalankan tugas mereka.





5. BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS MAKLUMAT SULIT DAN ASET **TH**

5.1 MAKLUMAT SULIT

Pembekal hendaklah menyenggara dan melindungi kerahsiaan, integriti dan maklumat yang sedia ada yang diamanahkan kepada mereka oleh **TH**, melainkan jika pendedahan tersebut dibenarkan oleh **TH** atau maklumat tersebut dikehendaki oleh undang-undang dan mahkamah.

Maklumat sulit adalah maklumat proprietari **TH** atau pihak ketiga yang digunakan oleh **TH**, yang mana jika didedahkan atau diubahsuai oleh individu yang tidak dibenarkan, boleh mengakibatkan risiko kerugian kewangan dan menjatuhkan reputasi serta prestasi **TH**.

5.2 ASET **TH**

Semua pembekal **TH** dan wakil pembekal hendaklah mematuhi hak-hak pemilikan harta intelek **TH** termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, tanda dagangan dan rahsia perdagangan.

Teknologi maklumat dan sistem yang disediakan oleh **TH** hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan **TH**.



Pembekal dan wakil pembekal dilarang daripada menggunakan teknologi dan sistem yang disediakan oleh **TH** untuk mencipta, mengakses, menyimpan, mencetak, meminta atau menghantar sebarang bahan yang mengganggu, mengancam, kesat, lucah atau menghantar sebarang komunikasi palsu, menghina atau berniat jahat.

6. KEPENTINGAN KUALITI PIAWAIAN DAN KEMAHIRAN

Semua pembekal **TH** dan wakil pembekal hendaklah sentiasa memberi dan meningkatkan standard etika serta kualiti kerja yang tinggi ketika menyempurnakan urusaniaga.

Selain itu, semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:

- Memperoleh lesen/permit yang diperlukan sebagai pembekal barangan atau perkhidmatan untuk **TH**
- Menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mencukupi dan berkualiti dalam menyempurnakan urusaniaga
- Mengguna dan membekalkan peralatan yang memenuhi kualiti yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti yang dipertanggungjawabkan.



7. MENGHINDARI AMALAN ANTI-KOMPETITIF

Semua pembekal **TH** dan wakil pembekal hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urusan perolehan seperti tidak memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada pembekal yang lain, menyembunyi atau memusnahkan dokumen.

Selain itu, semua pembekal dilarang menyertai mana-mana pakatan dikalangan pembekal, pelanggan atau petender dalam urusan perolehan.

8. PENGHORMATAN KEPADA INDIVIDU DAN MASYARAKAT

- 8.1 Semua pembekal mestilah mengutamakan perasaan hormat menghormati terhadap semua pihak yang terlibat dalam sesebuah kontrak termasuklah menghormati nilai, sejarah, agama, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat sepanjang tempoh melaksanakan kontrak.
- 8.2 Semua pembekal mestilah mengelak dari mengamalkan diskriminasi dalam sebarang bentuk berasaskan kaum, umur, jantina, negeri dan negara



asal, kemampuan atau orientasi seksual dalam masa pelaksanaan kontrak.

- 8.3 Semua pembekal mestilah memastikan bahawa setiap pekerja disediakan persekitaran kerja yang memuaskan, dilayan dengan adil, dibayar dengan ganjaran yang setimpal dan membantu mereka dari aspek pembangunan kerjaya serta kebajikan dengan sewajarnya.



PEMATUHAN KOD

Pematuhan terhadap prinsip-prinsip, polisi dan peraturan yang telah dinyatakan di dalam Kod ini adalah diwajibkan kepada semua pembekal dan wakil-wakilnya yang berurusan dengan **TH**.

Oleh itu, pembekal hendaklah:

- a. membaca dan memahami Kod ini;
- b. melaporkan dengan segera ketidakpatuhan atau pelanggaran Kod ini oleh mana-mana pihak kepada pihak pengurusan **TH** yang dilantik;
- c. memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat dan
- d. memasti dan mendidik kakitangan atau wakil pembekal atau sub kontraktor bahawa mereka memahami dan mematuhi Kod Etika ini.

Sebarang kemusykilan atau aduan boleh dibuat melalui Polisi Pemberitahuan Maklumat (Whistleblowing) atau menghubungi terus kepada Ketua Pegawai Integriti **TH** dan identiti dan isi aduan pengadu adalah sulit dan dilindungi.



PELANGGARAN KOD

Tindakan disiplin akan diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada Kod ini.

Tindakan disiplin yang diambil adalah bergantung kepada jenis dan tahap kesalahan yang dilakukan.

Antara tindakan yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan kepada Kod ini adalah:

- a) penalti/denda;
- b) penamatan kontrak; atau
- c) disenaraihitam atau dibatalkan pendaftaran bagi tempoh tertentu bagi ketidakpatuhan yang berulang.



Sekiranya terdapat pihak yang mempunyai persoalan atau kurang jelas tentang perkara yang berkaitan Kod Etika Pembekal ini, atau ingin membuat laporan sesuatu perbuatan yang mencurigakan atau kejadian ketidakpatuhan kepada Etika Pembekal, Pihak Berkenaan hendaklah memberi kerjasama kepada wakil **TH** atau Ketua Pegawai Integriti.

Pendedahan boleh disalur melalui mana-mana saluran berikut dan segala maklumat yang diterima adalah sulit:

Ketua Pegawai Integriti



: 03-2054 3317



: 03-2161 1443



: whistle@lth.gov.my

Alamat: Bahagian Integriti,
Lantai 15, Bangunan Ibu
Pejabat Tabung Haji,
201 Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur



CATATAN